

LAMAN SESAWANG RASMI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa laman sesawang rasminya adalah di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Ingeris sahaja.

Memandangkan permintaan yang agak tinggi dari pembayar cukai yang berbahasa Mandarin, tindakan telah di ambil dengan suci hati untuk membantu golongan tersebut dengan mengadakan butang terjemahan mandarin. Sekaligus ada penafian dimuatkan yang berbunyi:

“Terjemahan bahasa ini merupakan terjemahan terus dari laman web LHDNM versi Bahasa Melayu. Ia bertujuan memberi kemudahan kepada pengguna bahasa lain menggunakan laman web ini. **LHDNM tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh penggunaan mana-mana maklumat yang diperolehi dari laman web ini.**”

Sementara versi B.Inggeris pula berbunyi:

“This is a direct translation from Malay Version of the IRBM’s website. It’s aim is to provide facilities for different language users to use this website. **IRBM shall not be liable for any loss or damage caused by the usage of any information obtained from this site.**”

LHDNM di dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya telahpun mengorak langkah untuk memungkinkan laman sesawang di dalam Bahasa Mandarin sepenuhnya tapi inisiatif itu masih di peringkat pembangunan. Buat masa ini pembayar cukai boleh melihat

terjemahan borang B dan BE di dalam Bahasa Mandarin di dalam laman sesawang Bahasa Malaysiana.

Walau bagaimanapun, Pembayar Cukai masih dimestikan mengisi Borang Nyata Cukai Pendapatan di dalam bahasa rasmi iaitu Bahasa Malaysia.

LHDNM memohon maaf di atas kekeliruan yang timbul, inisiatif terjemahan ke Bahasa Mandarin telah ditutup mulai pagi ini.

Sebarang pertanyaan dan kemusykilan berkaitan hal ini boleh diajukan kepada **Pusat Khidmat Pelanggan LHDNM** di talian **1-300-88-3010** atau melalui e-mel callcentre@hasil.gov.my.

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan oleh	:	Mazlan Wan Chik Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	25 April 2011
Nombor Telefon	:	03-6203 1380
Nombor Faks	:	03-6201 2434
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010 <u>www.hasil.gov.my</u>